BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 28 Ogos 2002

SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
JULAI 2002

Keadaan kewangan kekal stabil pada bulan Julai. Kadar faedah yang rendah dan stabil serta mudah tunai yang lega telah menyediakan persekitaran yang positif untuk pembiayaan sektor swasta yang berterusan daripada sistem perbankan dan pasaran modal bagi menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Kadar inflasi kekal rendah, sementara sistem perbankan terus kukuh. Dalam situasi ini, dasar kewangan yang akomodatif terus membantu ke arah pemulihan ekonomi.

Kadar faedah kekal rendah dan stabil

Pada bulan Julai, operasi mudah tunai BNM yang menguncup telah menyebabkan **kadar faedah pasaran wang antara bank** kekal rendah dan stabil. Keadaan mudah tunai adalah selaras dengan permintaan sebenar bagi membiayai sektor swasta.



Operasi mudah tunai BNM menyerap RM2.7 bilion dari pasaran bagi mengimbangi kesan pengembangan akibat pengeluaran deposit oleh institusi kewangan bukan bank (NBFI) daripada BNM, juga daripada aliran masuk dagangan dan portfolio



Mudah tunai kekal lega



Kadar faedah antara bank di pasaran wang kekal tidak berubah

Kadar purata berian pinjaman asas (BLR) dan **kadar purata pinjaman** (ALR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal rendah dan stabil. Keadaan mudah tunai yang lega telah mengakibatkan penentuan harga pinjaman yang lebih bersaingan dikalangan institusi perbankan, dengan kadar faedah bagi pinjaman tertentu ditetapkan pada kadar yang lebih rendah daripada BLR.



BLR dan ALR kekal rendah dan stabil.

Pada 15 Ogos, struktur terma bagi **purata kadar faedah deposit tetap** untuk semua tempoh matang bagi kedua-dua bank perdagangan dan syarikat kewangan, kekal tidak berubah.

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Bank Perdagangan



Kadar faedah deposit tetap bagi bank perdagangan hampir tidak berubah

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Syarikat Kewangan



...begitu juga bagi syarikat kewangan

Kadar Faedah Benar Deposit Tetap 3-Bulan



Kadar faedah benar deposit tetap 3 bulan adalah stabil pada bulan Julai

Ringgit menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang utama dan mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau pada bulan Julai

Pada bulan Julai, **ringgit menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang utama**. Selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa, nilai ringgit menyusut berbanding yen Jepun (0.3%) dan paun sterling (2.9%), sementara meningkat berbanding euro (0.1%). Dolar AS terus merosot berikutan oleh kebimbangan pasaran mengenai pengurusan korporat dan amalan perakaunan serta kelemahan prestasi pasaran saham AS. Defisit akaun dagangan AS meningkat pada bulan Mei dan penerbitan data yang menunjukkan kelemahan sentimen pengguna yang melebihi jangkaan bagi bulan Julai turut menyumbang kepada nilai dolar yang lebih lemah.

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Utama
(Purata mingguan)



Ringgit menyusut nilai berbanding mata wang utama

Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau. Nilai ringgit meningkat berbanding baht Thai, peso Filipina dan rupiah Indonesia dalam lingkungan 0.6% - 4.3%, sementara menyusut berbanding dolar Singapura dan won Korea, masing-masing sebanyak 0.2% dan 1.1%. Peso Filipina menjadi lemah disebabkan kebimbangan pasaran mengenai defisit belanjawan Kerajaan yang meningkat, sementara rupiah Indonesia menyusut nilai berikutan permintaan korporat untuk dolar AS. Sebaliknya, dolar Singapura mengukuh berikutan pertumbuhan ekonomi bagi suku tahun kedua 2002 yang lebih baik daripada jangkaan.

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Serantau
(Purata mingguan)



Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau

Ringgit, walau bagaimanapun bertukar arah dan meningkat nilai berbanding mata wang utama sepanjang tempoh **1 – 23 Ogos 2002** apabila dolar AS bertukar arah. Nilai ringgit meningkat berbanding euro sebanyak 1.8%, paun sterling sebanyak 3.4% dan yen Jepun sebanyak 0.2%. Dolar AS mengukuh berikutan penerbitan data ekonomi yang menunjukkan bahawa pengurangan defisit akaun semasa AS melebihi jangkaan dan data awalan sentimen pengguna bagi bulan Ogos yang memberangsangkan. Dolar AS juga disokong oleh permintaan yang tinggi untuk bon korporat AS dan prestasi pasaran saham yang lebih baik. Pada masa yang sama pada bulan Ogos, ringgit mencatatkan prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau. Nilai ringgit meningkat berbanding kebanyakan mata wang serantau dalam lingkungan 1.0%-2.2%, sementara menyusut nilai berbanding dolar Singapura dan rupiah Indonesia, masing-masing sebanyak 0.4% dan 2.3%.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Julai 2002	23 Ogos 2002	% Perubahan			
				Julai 2002	Akhir-Julai - 23 Ogos 2002	Akhir-2001 - 23 Ogos 2002	2 Sep. 1998 - 23 Ogos 2002
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	3.7402	3.6757	0.1	1.8	-8.4	-
Paun sterling	6.3708	5.9690	5.7713	-2.9	3.4	-4.4	10.4
100 yen Jepun	2.7742	3.1701	3.1644	-0.3	0.2	-8.5	-12.3
Dolar Singapura	2.1998	2.1546	2.1623	-0.2	-0.4	-5.1	1.7
100 baht Thai	9.3713	9.0638	8.9718	0.6	1.0	-4.1	4.5
100 peso Filipina	8.8302	7.4255	7.2637	1.5	2.2	1.4	21.6
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0419	0.0429	4.3	-2.3	-14.9	-17.5
100 won Korea	0.2827	0.3190	0.3157	-1.1	1.0	-8.7	-10.5

Inflasi kekal tidak berubah

Kadar inflasi tahunan, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Penguna** (IHP, 2000=100), tidak berubah pada tahap 2.1% pada bulan Julai (Jun: 2.1%). Pada asas bulanan, IHP juga turut tidak berubah. Kenaikan dalam IHP terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga pengangkutan dan perhubungan, disebabkan oleh pelarasan harga dalam bayaran perkhidmatan telefon pada bulan Mac 2002.



Inflasi kekal tidak berubah

Harga pengeluar terus meningkat

Harga pengeluar, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Pengeluar** (IHPR, 1989=100), meningkat sebanyak 3.6% pada asas tahunan pada bulan Jun (Mei: 3.1%). Kenaikan di dalam IHPR adalah berikutan pemulihan yang lebih kukuh dalam harga minyak sawit mentah dan getah. Walau bagaimanapun, kenaikan di dalam IHPR ini telah diimbangi oleh kejatuhan harga minyak mentah. Sementara itu, tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras menyusut sebanyak 0.1%.



Harga pengeluar terus meningkat

Bekalan wang terus berkembang

Pada bulan Julai, M3 meningkat sebanyak RM1.8 bilion atau 0.4%, seiring dengan kegiatan aktiviti ekonomi. Pada asas tahunan, M3 mengembang sebanyak 5.8% (6.3% pada akhir bulan Jun). Peningkatan dalam bekalan wang berpunca terutamanya daripada pengeluaran deposit oleh sebuah institusi bukan kewangan daripada BNM serta operasi luar yang mengembang. Walaupun pembiayaan sektor swasta oleh sistem perbankan adalah lebih rendah pada bulan ini, ia sebahagiannya mencerminkan pemindahan pemegangan sekuriti korporat kepada sekuriti Kerajaan oleh institusi perbankan.

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Ketiga-tiga agregat monetari terus berkembang

M3: Perubahan Bulanan



Pada asas bulanan,M3 mencatat peningkatan…

Penentu-penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada bulan			
	2002			
	Mei	Jun	Jul	Jan-Jul
M3	0.7	-1.6	1.8	14.9
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-2.0	0.9	0.6	6.1
Tuntutan ke atas sektor swasta	3.6	-0.6	-1.7	9.9
Operasi luar bersih [1/]	0.6	-1.8	1.2	5.5
Pengaruh lain	-1.6	-0.1	1.6	-6.6

[1/] sebelum penilaian semula

…disebabkan terutamanya oleh pengeluaran deposit oleh sebuah institusi kewangan bukan bank daripada BNM dan operasi luar yang mengembang

Arah aliran deposit sistem perbankan kekal kukuh

Arah aliran deposit yang disimpan dengan sistem perbankan kekal kukuh, dengan perusahaan perniagaan dan individu terus mencatatkan peningkatan pada bulan Julai. Walau bagaimanapun, kenaikan ini telah diimbangi sepenuhnya oleh pengeluaran bersih deposit oleh Kerajaan Persekutuan dan negeri dan deposit institusi kewangan yang lebih rendah. Oleh itu, **jumlah deposit** menurun sebanyak RM598 juta atau -0.1% pada bulan Julai. Pada asas tahunan, jumlah deposit meningkat sebanyak 2.9% pada akhir bulan Julai.

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2002		
	Mei	Jun	Jul.
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	-853	94	-502
Kerajaan Negeri	62	286	-516
Badan Berkanun[1/]	447	-203	250
Institusi Kewangan	374	-1,088	-1,246
Perusahaan Perniagaan	-2,454	45	487
Individu	954	513	874
Lain-lain	56	-54	54
Jumlah	**-1,414**	**-407**	**-598**

[1/] Termasuk Kerajaan Tempatan.

Deposit perusahaan perniagaan dan individu terus meningkat

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2002		
	Mei	Jun	Jul.
Jenis			
Deposit tetap	-223	-1,182	929
NID yang dikeluarkan	302	-152	-873
Deposit permintaan	-1,782	1,628	-177
Deposit tabungan	77	-230	19
Perjanjian beli balik *(Repo)*	1,271	-2,238	178
Deposit mata wang asing	416	-367	-84
Deposit SPI	-1,531	2,189	-643
Lain-lain	56	-54	54
Jumlah	**-1,414**	**-407**	**-598**

Deposit tetap meningkat, manakala NID dan deposit SPI adalah lebih rendah

Pembiayaan sektor swasta kekal tinggi

Persekitaran kadar faedah yang rendah dan stabil, serta keadaan mudah tunai yang lega terus menyediakan persekitaran yang kondusif untuk menyokong aktiviti perniagaan. **Jumlah pembiayaan kasar** melalui pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan dana yang diperoleh daripada pasaran modal kekal tinggi, selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh.

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Daripada segi pembiayaan oleh bank, kesemua penunjuk terus menunjukkan aktiviti berian pinjaman yang berterusan. **Pengeluaran pinjaman** terus disalurkan kepada pelbagai sektor ekonomi. Permintaan untuk pinjaman daripada sektor isi rumah kekal tinggi dalam keadaan kadar faedah yang rendah dan kompetitif, terutamanya untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang. Walaupun perkembangan ini meningkatkan pendedahan bank kepada pinjaman runcit, risiko pinjaman tidak berbayar kekal rendah memandangkan kadar mungkir sektor-sektor ini adalah yang terendah jika dibandingkan dengan jenis pinjaman yang lain.

Permohanan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman (RM bilion)



Berian pinjaman bank berterusan, seperti yang dicerminkan oleh kelulusan dan pengeluaran pinjaman. Sementara itu, bayaran balik pinjaman kekal tinggi pada bulan ini

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Pengeluaran pinjaman terus disalurkan kepada pelbagai sektor ekonomi

Pengeluaran pinjaman kekal tinggi sebanyak RM33.9 bilion pada bulan Julai. Walau bagaimanapun, bayaran balik pinjaman juga adalah tinggi. Bayaran balik pinjaman yang tinggi ini mencerminkan pinjaman yang berjangka pendek serta bayaran balik yang berkaitan dengan penstrukturan semula korporat yang berterusan. Pinjaman yang diberikan kepada sektor korporat kebanyakannya adalah berjangka pendek untuk memenuhi keperluan modal kerja. Sementara keadaan lebihan kapasiti bertambah baik, pelaburan kekal sederhana. Pinjaman yang belum dijelaskan mencatatkan peningkatan sebanyak RM430 juta pada bulan Julai (3.3% pada asas tahunan pada akhir bulan Julai).

Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal kekal tinggi

Jumlah dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal kekal tinggi pada bulan Julai, berjumlah RM4.4 bilion. Ini disebabkan peningkatan perolehan dana bersih oleh sektor swasta terutamanya melalui terbitan sekuriti hutang yang berjumlah RM3.9 bilion. Sementara itu, sektor awam mencatatkan penebusan bersih sebanyak RM0.6 juta pada bulan tersebut.

Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal[1/]



Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal kekal tinggi

1/ Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan

Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE CI) adalah rendah pada bulan Julai berikutan prestasi lemah bursa-bursa saham global. Para pelabur merasa bimbang tentang perkembangan luar negara, terutamanya risiko terhadap kelemahan pemulihan ekonomi AS. Pada 31 Julai, KLSE CI ditutup pada 721.59 mata (-0.5% sejak akhir bulan Jun) dengan permodalan pasaran sebanyak RM533.68 bilion (+5.5% sejak akhir bulan Jun). Purata urusniaga harian adalah lebih tinggi sebanyak 193.1 juta unit (156.1 juta unit pada bulan Jun).

Prestasi Indeks Terpilih



KLSE CI meningkat sedikit pada bulan Ogos

Berikutan pemulihan di bursa saham AS dan disokong oleh penarafan Malaysia yang lebih baik, KLSE CI meningkat pada tiga minggu pertama bulan Ogos. Kenaikan taraf kredit Malaysia oleh agensi penarafan kredit serta laporan korporat yang memberangsangkan telah membantu memulihkan sentiment pasaran. Pada 23 Ogos, KLSE CI ditutup pada 729.99 mata (+1.2% sejak akhir bulan Julai) dengan permodalan pasaran sebanyak RM541 bilion (+1.4% sejak akhir bulan Julai). Walau bagaimanapun, purata urusniaga harian adalah lebih rendah sebanyak 148.2 juta unit.

Rizab antarabangsa terus meningkat

Rizab antarabangsa bersih BNM meningkat sebanyak RM1.6 bilion (AS$415 juta) pada bulan Julai kepada RM129.3 bilion atau AS$34 bilion pada 31 Julai 2002 dan meningkat lagi kepada RM129.8 bilion atau AS$34.2 bilion pada 15 Ogos 2002. Rizab yang lebih tinggi mencerminkan aliran masuk daripada perolehan eksport yang dibawa pulang, aliran masuk bersih pelaburan serta pengambilan perolehan daripada Sijil Amanah Global Islam bernilai AS$600 juta yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan. Aliran masuk ini adalah lebih daripada memadai untuk menampung aliran keluar yang terdiri terutamanya daripada pembayaran balik pinjaman luar negeri oleh sektor swasta, pembayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan serta pelaburan luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia. Paras rizab pada 15 Ogos adalah mencukupi untuk membiayai 5.6 bulan import tertangguh dan adalah 5.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Sistem perbankan terus kukuh

Kedudukan modal sistem perbankan mengukuh dalam bulan Julai dengan nisbah aset berwajaran risiko (RWCR) meningkat kepada 13.1% manakala nisbah modal teras meningkat kepada 10.8%. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan kemasukan keuntungan yang diaudit ke dalam modal asas dan rizab yang lebih tinggi. Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (klasifikasi 6-bulan) menyederhana kepada 8.0%, terutamanya berikutan tahap perlindungan kerugian pinjaman, pinjaman dihapuskira dan pembayaran balik yang lebih tinggi.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan

	1998	1999	2000	2001		2002	
	Dis.	Dis.	Dis.	Jun	Dis.	Jun	Jul.
Modal							
Nisbah modal teras (%)	8.7	10.1	10.7	10.5	11.1	10.6	10.8
RWCR (%)	11.8	12.5	12.5	12.6	13.0	12.9	13.1
NPL bersih (klasifikasi 6-bulan)							
% jumlah pinjaman bersih	8.1	6.4	6.3	8.0	8.1	8.2	8.0
Jumlah (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,292	32,775	33,924	33,292
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan, %)	2.0	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam*



….RWCR terus mengukuh kepada tahap 13.1%

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



…Nisbah NPL bersih menurun kepada 8.0%, manakala nisbah peruntukan am kepada pinjaman bersih kekal 1.9%

CDRC telah menamatkan operasinya secara rasmi pada 15 Ogos 2002, selepas berjaya menyelesaikan 98% kes yang diterima berjumlah RM43.97 bilion. Profil pemulihan bagi kes-kes yang telah diselesaikan menunjukkan sebanyak 61% daripada perolehan pemulihan adalah dalam bentuk tunai dan instrumen boleh tebus manakala 22% adalah dalam bentuk penjadualan semula hutang. Hampir keseluruhan (99.9%) NPL di bawah jagaan Danaharta telah disusun semula atau diluluskan untuk penyusunan semula. Sehubungan itu, Danaharta menjangka untuk menamatkan operasinya menjelang tahun 2005. Pada akhir bulan Julai 2002, suntikan modal oleh Danamodal di dalam sistem perbankan kekal sebanyak RM2.1 bilion.

CDRC : Profil Pemulihan



CDRC : Status Penyelesaian Hutang



Bank Negara Malaysia
28 Ogos 2002

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	Jun 2002		Julai 2002	
	Baki	Pertumbuhan tahunan	Baki	Pertumbuhan tahunan
	(RM bilion)	(%)	(RM bilion)	(%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	40.9	6.3	40.6	4.6
M1	82.3	14.2	82.4	12.2
M2	369.9	6.1	370.9	5.7
M3	482.7	6.3	484.4	5.8
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	488.7	3.2	488.1	2.9
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	483.1	3.8	483.5	3.3
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	420.5	3.5	421.4	3.1
Nisbah pinjaman-deposit (%)	86.0		86.3	
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	11.2		11.5	
Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan	34.7		33.9	
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	12.9		13.1	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	8.2		8.0	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	127.7		129.3	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	33.6		34.0	
Bilangan bulan import tertangguh	5.5		5.6	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.97[2.83]		2.97[2.86]	
3-bulan	3.21[2.89]		3.22[2.96]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.20[3.20]		3.20[3.20]	
3-bulan	3.21[3.21]		3.20[3.20]	
BLR bank perdagangan	6.39[6.39]		6.39[6.39]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	103.4	2.1	103.4	2.1
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	131.3	3.6	-	-
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding mata wang terpilih (akhir tempoh)				
Euro	3.7421		3.7402	
Paun Sterling	5.7971		5.9690	
Dolar Singapura	2.1509		2.1546	
100 Yen Jepun	3.1613		3.1701	
100 Baht Thai	9.1182		9.0638	
100 Peso Filipina	7.5386		7.4255	
100 Rupiah Indonesia	0.0437		0.0419	
100 Won Korea	0.3156		0.3190	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperoleh:				
sektor awam (RM bilion)	3.2		…	
sektor swasta (RM bilion)	3.8		4.4	
Indeks Komposit BSKL (akhir-tempoh)	725.44		721.59	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	505.89		533.68	